

Bil. S 28

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))**

PERINTAH AKTA IMIGRESEN (PINDAAN BIL. 2), 2004

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 6 dari Penggal 17.
 3. Pindaan bab 15.
 4. Pindaan bab 55.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH AKTA IMIGRESEN (PINDAAN BIL. 2), 2004

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Imigresen (Pindaan Bil. 2), 2004.

Pindaan bab 6 dari Penggal 17.

2. Bab 6 dari Akta Imigresen, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda, dalam perenggan *(a)* ceraiian (3), dengan menggantikan koma bernoktah dengan noktah bertindih dan dengan menambah *proviso* yang berikut kepada perenggan itu —

"Dengan syarat bahawa hukuman sebat tidaklah boleh dikenakan ke atas mana-mana orang yang dituduh di mahkamah sebelum 12 Jun, 2004.".

Pindaan bab 15.

3. Bab 15 dari Akta itu adalah dipinda, dalam perenggan *(b)* ceraiian (2), dengan menggantikan noktah dengan noktah bertindih dan dengan menambah *proviso* yang berikut kepada perenggan itu —

"Dengan syarat bahawa hukuman sebat tidaklah boleh dikenakan ke atas mana-mana orang yang dituduh di mahkamah sebelum 12 Jun, 2004.".

Pindaan bab 55.

4. Bab 55 dari Akta itu adalah dipinda, dalam perenggan kecil (ii) ceraiian (1), dengan menggantikan koma bernoktah dengan noktah bertindih dan dengan menambah *proviso* yang berikut kepada perenggan itu —

"Dengan syarat bahawa hukuman sebat tidaklah boleh dikenakan ke atas mana-mana orang yang dituduh di mahkamah sebelum 12 Jun, 2004.".

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 30 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 20 haribulan April, 2004 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**